



اَوْنُوْ سِيْطِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3  
OKTOBER 2025

U

R

H

P

# MEMBENTUK MAHASISWA BERSAHSIAH TINGGI

MUSTAFA KAMAL MAT<sup>1</sup> & SAFLINA AZIS<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau

<sup>2</sup>Fakulti Perakaunan UiTM Kampus Seremban


Peluang menyambung pengajian di peringkat tinggi seperti universiti merupakan saat yang menggembirakan kepada para pelajar lepasan pendidikan menengah. Lebih-lebih lagi tatkala berjaya diterima memasuki universiti yang menjadi pilihan mereka. Universiti adalah tempat yang memberi peluang kepada mahasiswa untuk mendalami bidang yang diminati serta melahirkan mahasiswa yang mampu bersaing dengan pelbagai cabaran di dunia luar.



Selain melahirkan golongan profesionalisme dalam bidang pekerjaan tertentu, ia juga penting dalam memastikan mahasiswanya nanti menjadi seseorang yang berilmu dan berakhlak. Justeru, pendidikan tidak sepatutnya diukur dengan kejayaan akademik semata-mata, sebaliknya secara menyeluruh dari segi pembentukan watak, tingkah laku dan budi pekerti bagi membentuk sahsiah mahasiswa secara holistik. Hal ini demikian kerana memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata, tanpa diiringi dengan nilai-nilai sahsiah, tidak dapat melahirkan seorang insan kamil.



Umum mengharapkan agar mahasiswa yang keluar dari universiti memiliki sahsiah yang tinggi dan baik budi pekertinya, serta dapat menyumbangkan sesuatu kepada bangsa dan negara. Membentuk mahasiswa bersahsiah tinggi memerlukan pembinaan diri melalui amalan beragama, sopan santun, berbudi bahasa, jati diri yang kukuh, serta mengamalkan nilai-nilai murni secara konsisten.




Bagi melahirkan mahasiswa berilmu dan berakhlak, ia perlukan didikan berterusan yang dimulakan dari rumah sejak kecil lagi. Peranan awal dan berterusan ini perlu digalas oleh ibu bapa sendiri bagi memastikan nilai-nilai baik disemai dalam diri anak. Malah, ibu bapa wajib memantau perkembangan akademik anak-anak dan sentiasa cakna terhadap urusan kehidupan mereka di institut pengajian tinggi (IPT). Proses ini bukannya mengongkong, tetapi sebagai peluang untuk melihat sahsiah anak masih terkawal dan berdaya saing. Jadinya, peranan ibu bapa adalah tunjang dalam menghasilkan anak yang taat dan tinggi sahsiah dirinya.



Sebagai mahasiswa, mereka perlu sedar bahawa mereka merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan, penggerak kemajuan dan pelopor pembangunan. Oleh itu, penerapan nilai-nilai sahsiah yang baik harus disemai diteruskan ketika menuntut di IPT. Mahasiswa memang perlu seimbangkan ilmu akademik dan kemahiran kehidupan yang lain agar dapat sempurnakan diri menjadi insan kamil.

Sebenarnya, di IPT setiap mahasiswa telah diletakkan di bawah seorang penasihat akademik dalam kalangan pensyarah. Semua mahasiswa akan mempunyai penasihat akademik yang akan membantu mereka sepanjang pengajian di IPT tersebut. Pensyarah ini sewajarnya mengambil berat tentang mahasiswa yang menghadapi masalah dan membantu mereka menanganinya. Sifat pensyarah yang ceria dan mesra akan mampu menjadi teladan yang terbaik kepada mahasiswa. Penasihat akademik dan mahasiswa ini harus saling bekerjasama demi mewujudkan suasana harmoni di IPT, sekali gus berupaya menjadikan mahasiswa mempunyai sahsiah yang tinggi.



Sahsiah diri seseorang perlu dibentuk sejak dari awal pembelajaran di sekolah dan juga di IPT. Sememangnya sahsiah banyak dibentuk oleh pendidikan, sama ada secara formal atau tidak formal. Adab dan akhlak adalah elemen penting dalam membentuk sahsiah manusia, agar mereka disegani dan dihormati masyarakat. Adab dan akhlak perlu diberi penekanan agar mahasiswa mampu menjadi insan yang seimbang akademik dan rohani. Adab dan akhlak sebagai asas terhadap sahsiah yang tinggi menjadi tunjang kepada pembentukan keperibadian yang mulia.

Kenapa perlu fokus kepada golongan mahasiswa? Kumpulan mahasiswa IPT adalah golongan muda yang ternyata kuat dari segi fizikalnya, elok fikirannya, waras tindakannya, kental jati diri dan tinggi semangat waja. Oleh yang demikian, setiap generasi muda perlu diisi dengan sifat sahsiah yang baik agar tidak hilangnya nilai, integriti dan moral dalam diri mereka. Dititipkan dengan ilmu serta tidak boleh dibiarkan kosong dengan kelompongan nilai serta kegalauan identiti.

Meskipun ada di antara mahasiswa yang menyertai program yang disediakan semata-mata untuk memenuhi syarat atau peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak IPT, namun ia sedikit sebanyak mampu membangunkan sahsiah serta jati diri mereka ke arah yang lebih baik. Di samping itu, program-program dijalankan ini perlu sentiasa ditambah baik dengan melaksanakan penilaian keberkesannya. Ini dibuat bagi mengenal pasti kelemahan yang mungkin ada dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kualiti program berkenaan.

Ilmu tanpa adab dan akhlak akan membawa kepada ketidakseimbangan dalam kehidupan. Graduan yang tidak mampu menghormati orang lain hanya mencipta akal yang kosong. Graduan yang dilahirkan perlulah seimbang dan bukannya mengejar nilai sijil semata-mata, dan di sinilah pentingnya peranan adab dan akhlak dalam pendidikan. Adab dan akhlak yang baik seperti hormat-menghormati, merendah diri, toleransi dan empati, bukan sekadar pelengkap, tetapi sebagai elemen teras yang mesti diterapkan dalam kehidupan seharian setiap mahasiswa.

Pastinya, setiap ibu bapa teringin melihat anak-anak mereka dan generasi muda hari ini menjadi manusia berguna untuk bangsa dan negara dengan tampilan reputasi akademik tinggi bersendikan keluhuran akhlak serta adab terpuji. Masa depan negara bukan sahaja bergantung kepada graduan yang mempunyai kecerdasan luar biasa, tetapi memerlukan golongan yang mampu menggabungkan intelek dengan nilai-nilai sahsiah yang baik.